



## PEMAKLUMAN AM 1/2022

### PENGGUNAAN ALAMAT PERTUBUHAN PERBADANAN DALAM URUSAN RASMI

1. Lembaga Perancang Bandar Malaysia (LPBM) telah melaksanakan **Pendaftaran Pertubuhan Perbadanan dan Perakuan Praktis atau Certificate of Practice (CoP)** bermula Tahun 2020. Pelaksanaan ini adalah selaras dengan keperluan Seksyen 20, Akta Perancang Bandar 1995 [Akta 538].
2. Untuk makluman, mana-mana Pertubuhan Perbadanan hendaklah memohon kelulusan LPBM jika:
  - a. membuka pejabat cawangan di negeri lain, dengan syarat ianya perlu mempunyai Perancang Bandar berdaftar yang didaftarkan CoP di bawah Pertubuhan Perbadanan di pejabat cawangan tersebut.
  - b. berlaku sebarang pertukaran alamat bagi Pertubuhan Perbadanan sedia ada.
3. Setelah kelulusan diberikan, LPBM akan mengemaskini butiran Pertubuhan Perbadanan dan pejabat cawangan termasuklah penama CoP serta alamat terkini dalam senarai daftar Pertubuhan Perbadanan dan Perakuan Praktis.
4. Adalah menjadi **SATU KESALAHAN** kepada mana-mana Pertubuhan Perbadanan yang menggunakan **alamat** Pertubuhan Perbadanan yang berbeza daripada senarai Daftar dalam segala urusan rasmi terutamanya melibatkan dokumen dan pelan yang disediakan oleh Pertubuhan Perbadanan berkaitan.
5. LPBM boleh **membatalkan** pendaftaran Pertubuhan Perbadanan dan Perakuan Praktis yang melakukan kesalahan ini selaras dengan peruntukan Seksyen 25 Akta 538.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah

TPr SAIDIN BIN LATEH  
Pendaftar  
Lembaga Perancang Bandar Malaysia  
1 Mac 2022